

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

[THE POTENTIAL OF WAQF IN FACING THE COVID19 PANDEMIC]

POTENSI WAKAF DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID19

¹MAS NOORAINI MOHIDDIN

¹CECEP SOLEH KURNIAWAN

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Simpang 347,
Jalan Pasar Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Corresponding Author: masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn

Received Date: 27 February 2022 • Accepted Date: 27 March 2022

Abstract

Islamic philanthropy is able to solve economic problems in the face of the Covid-19 pandemic, among them is waqf. The credibility of waqf in efforts to reduce poverty and improve the country's economy can no longer be disputed and has been proven through history. The existence of Corona Virus or known as Covid-19 at the end of 2019 has attracted world attention. Although the virus is related to health, but its impact has affected various sectors including the economy and even worse contributed towards the escalation of the global economic crisis. Although assistance is provided by certain parties, to what extent these funds are able to survive for the survival of society, especially for those who have just been categorized as poor as a result of this pandemic. Thus, this study will reveal the extent to which waqf is able to minimize the economic problems that are being faced. The research methodology adopted is qualitatively descriptive by using content analysis as the method of analysis. It is not only the Government that is responsible in dealing with the issue of the Covid-19 pandemic, but it is also a shared responsibility that must be borne by all levels of society and agencies. With the uniqueness of waqf, it is able to resolve the economic crisis and at the same time help ease the burden of the government, especially in times of pandemics that affect certain groups. The existence of Covid-19 without realizing it is the source of waqf and the latest encouragement to contribute more towards the well-being of all when recognizing the greatness of waqf and in professional governance.

Keywords: Covid-19, pandemic, waqf

Abstrak

Filantropi Islam mampu menyelesaikan masalah ekonomi dalam menghadapi pandemik Covid-19 di antaranya ialah wakaf. Kredibiliti wakaf dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan

meningkatkan ekonomi negara tidak dapat dipertikaikan lagi dan telah terbukti melalui sejarah. Kewujudan Virus Corona atau dikenali dengan Covid-19 di penghujung tahun 2019 telah menarik perhatian dunia. Meskipun virus ini berkaitan dengan kesihatan, namun impaknya telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor termasuklah bidang ekonomi dan lebih buruk lagi menyumbang ke arah peningkatan krisis ekonomi global. Meskipun bantuan diberikan oleh pihak tertentu namun sejauh mana dana ini mampu bertahan untuk kelangsungan kehidupan masyarakat lebih-lebih lagi bagi golongan yang baru dikategorikan sebagai miskin akibat pandemik ini. Justeru, kajian ini akan menyingkap sejauh mana wakaf mampu meminimumkan masalah ekonomi yang sedang dihadapi. Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Bukan hanya pihak Kerajaan sahaja yang bertanggungjawab dalam menghadapi isu kemelut pandemik Covid-19, bahkan ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus di pikul oleh semua lapisan masyarakat dan agensi berkenaan. Dengan keunikan wakaf mampu menyelesaikan kemelut ekonomi sekali gus membantu meringankan bebanan kerajaan lebih-lebih lagi di saat pandemik yang menjejaskan golongan tertentu. Kewujudan Covid-19 tanpa di sedari menjadi pencetus sumber wakaf dan galakkan terkini untuk lebih menyumbang ke arah kesejahteraan semua bilamana mengenali kehebatan wakaf dan di tadbir urus secara profesional.

Kata Kunci: Covid-19; Pandemik; Wakaf.

Cite as: Mas Nooraini Mohiddin & Cecep Soleh Kurniawan. 2021. [The potential of waqf in facing the Covid19 pandemic] Potensi wakaf dalam menghadapi pandemik Covid19. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 6(1): 22-32.

PENGENALAN

Kemunculan virus baru yang dikenali dalam sudut ilmiah sebagai Covid-19 telah dijumpai di sekitar wilayah Wuhan di China dan sehingga ke hari ini virus ini telah merebak di sekitar lebih dari 100 negara. Sehingga kini lebih dari 7 juta orang yang telah dijangkiti virus ini dari seluruh negara bahkan jumlah kematian akibat Covid-19 mencecah hampir setengah juta. Meskipun virus ini berkaitan dengan kesihatan, namun impaknya telah memberi kesan terhadap pelbagai sektor termasuklah bidang ekonomi dan lebih buruk lagi menyumbang ke arah peningkatan krisis ekonomi global. Meskipun bantuan diberikan oleh pihak tertentu namun sejauh mana dana ini mampu bertahan untuk kelangsungan kehidupan masyarakat lebih-lebih lagi bagi golongan yang baru dikategorikan sebagai miskin akibat pandemik ini.

Kerajaan telah berusaha semampu mungkin untuk menangani krisis ekonomi dengan menyediakan peruntukan dan mewujudkan dana khusus untuk Covid-19 di samping menyeru pihak swasta dan persendirian untuk sama-sama membantu meringankan bebanan Kerajaan sebagai tanggungjawab bersama. Namun, sejauh mana dana yang di sumbangkan akan mampu bertahan menghadapi kemelut ini selagi virus ini belum di temui penawarnya adalah tidak dapat dipastikan meskipun banyak ramalan yang menyatakan isu ini berkemungkinan akan berakhir di penghujung tahun ini. Salah satu jalan penyelesaian yang mampu memenuhi keperluan ekonomi dan memperkasa ummah adalah melalui wakaf.

SOROTAN KARYA

Banyak penulisan yang berkaitan dengan potensi wakaf dalam menangani krisis ekonomi telah di laksanakan dan di rekodkan dalam lipatan sejarah. Namun karya yang berkaitan secara khusus mengenai kemampuan wakaf menangani masalah ekonomi berkaitan dengan pandemik covid-19 adalah terbatas. Memandangkan covid-19 adalah isu terkini dan global menjadi perhatian dunia, dan kebanyakan penulisan hanya fokus sekitar kesihatan. Dalam penulisan artikel yang telah dikaji oleh Azwar et al. (2020; Azwar,2020) mendapati bahawa wakaf adalah salah satu jalan penyelesaian ekonomi dalam menghadapi pandemik Covid-19 di Indonesia selain daripada bidang filantropi Islam yang lain seperti zakat, infak dan sedekah. Bahkan menurut Siti Mashitoh (2020) wakaf amat relevan terutama sekali dalam situasi semasa. Sistem wakaf yang telah menjadi amalan umat Islam sebelum ini perlu dihidupkan kembali supaya rakyat benar-benar dapat merasai nikmat kesejahteraan terutama sekali dari aspek penyelesaian masalah ekonomi dan kewangan lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelut ekonomi di masa pandemik ini (Nazari, 2020)

METOD KAJIAN

Metodologi penyelidikan yang diguna pakai adalah secara kualitatif deskriptif dengan menggunakan analisis kandungan sebagai kaedah penganalisan. Analisis dilakukan dengan meneliti maklumat data sekunder terutama penulisan, jurnal dan artikel. Kajian perpustakaan dijalankan dengan bersumberkan buku, kertas seminar, laman sesawang yang berkaitan.

DEFINISI

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, waqf memberi makna berhenti dari '*sakana*', menahan dari '*habasa*' (Akramah, 2008) dan menegah dari *mana'a* (Al-Sarakhsi, 1993) Wakaf dan '*habous*' memberi makna yang sama sebab itu di sesetengah negeri seperti di Moroko lebih popular dengan *habas* berbanding dengan wakaf seperti kementerian *habas* (Zuhaili, 1987). Walaupun Maghnyiah (1997) mempertikaikan perbezaan di antara keduanya iaitu dalam konteks pemilikan di mana dalam wakaf, pemilik aset berakhir dengan perakuan wakaf sementara dalam *habas* pemilik masih berhak ke atas asetnya dan boleh di jual serta di warisi.

Wakaf ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sarih*) terang, atau (*kinayah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus (Asmak, 2009).

Sebuah hadis daripada Abu Hurairah telah menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: "Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya." (Al-Nawawi, 1994).

Makna 'sedekah jariah' di dalam hadis di atas memberi maksud wakaf sepertimana yang telah ditafsirkan oleh ulama. Kerana pahala sedekah jariah itu berterusan walaupun pewakif itu

telah meninggal dunia berbanding dengan sedekah yang lain yang pahalanya tidak berpanjangan (Al-Khatib Al-Syarbini, 1997).

Pandemik adalah suatu wabak global. Istilah pandemik menurut Kamus Dewan (2007) ialah wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas sama ada ke seluruh wilayah, benua atau dunia. Pandemik bermula daripada penularan wabak di peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa singkat. Antara pandemik yang pernah berlaku adalah wabak Antonine, wabak Jusne serta 'The Black Death' yang dipercayai membunuh puluhan juta orang sekitar abad ke 14. Krisis Koronavirus (COVID-19) yang menghantui seluruh negara ketika ini juga telah diklasifikasikan sebagai penularan wabak pandemik oleh WHO (Fauzi, 2020).

KEHEBATAN WAKAF

Kredibiliti wakaf dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara telah terbukti melalui sejarah. Wakaf telaga 'Rumah' yang telah diwakafkan oleh Saidina 'Uthman al-'Affan iaitu seorang sahabat Nabi merupakan contoh wakaf yang terbaik yang masih kekal hingga ke hari ini. Di tapak itu telah dibina hotel mewah dengan pendapatan tahunan mencecah 50 juta Riyal Saudi (50 juta Riyal Saudi bersamaan dengan 13.34 juta US Dollar) dan maksud pewakif masih dikekalkan iaitu 50% dari pendapat dikhususkan buat mereka yang memerlukannya. Apa yang menariknya ialah setelah 1,400 tahun berlalu, bermula dari wakaf itu diwujudkan hingga sekarang masih wujud satu akaun Saidina 'Uthman al-'Affan di salah sebuah bank di Madinah (Ali Hashim, 2013).

Wakaf berpotensi mengukuhkan ekonomi orang Islam melalui mekanisme pengagihan harta jika ianya ditadbir secara efektif dan efisien (Gharaullahuddin, 1999). Terutama sekali dalam menyediakan pelbagai kemudahan untuk orang ramai untuk kebajikan ummah. Pelbagai jenis harta yang boleh di wakafkan selama mana ianya bernilai dan dapat diambil manfaat darinya 'berulang kali' sepertimana yang digariskan dalam syariah. Samada harta tersebut terdiri dari hak alih mahupun harta tak alih termasuklah binatang, kelengkapan peperangan, peralatan pertanian, buku dan juga wang tunai.

Menurut Mustafa Edwin Nasution dan Uswatun Hasanah (2005) wakaf adalah salah satu instrumen ekonomi Islam yang sangat berpotensi untuk meningkatkan kesejahteraan sosial. Ia berperanan besar dalam membantu menyelesaikan masalah sosial ekonomi masyarakat jika dikendalikan dan diurus secara profesional dan produktif.

Wakaf bukan sahaja mampu meningkatkan kebajikan orang ramai bahkan membantu kerajaan menaikkan mutu kehidupan masyarakat (Jamil, 2007). Kemampuan wakaf mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan ekonomi negara mampu mengurangkan tanggungan telah di buktikan oleh sejarah.

Wakaf adalah salah satu institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan. Justeru itulah ia dikatakan satu institusi pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan penting kepada masyarakat Islam khususnya (Abdul Hamid, 1980 dalam Mohd Saharudin et.al., 2003). Ini terbukti berdasarkan pengalaman wakaf dalam membangunkan ekonomi ummah di negara Mesir, Turki, Arab Saudi dan Kuwait.

KENALI PANDEMIK COVID-19

Pertubuhan Kesihatan Dunia yang lebih dikenali sebagai WHO telah mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik global pada 11 March 2020 (Mashura et al., 2020). Penyakit ini bermula dari penyebaran dalam rangkaian kecil dan mula berkembang serta merebak ke banyakan negara yang mengakibatkan penyebaran wabak ini merentasi dunia dan melibatkan semua benua (Anderson et al., 2020). Penyebaran Covid-19 ke seluruh negeri telah menimbulkan ketakutan, panik, kebimbangan serta kegelisahan masyarakat (Ahorsu et al., 2020).

Coronavirus adalah sekumpulan virus yang boleh menyebabkan beberapa jenis penyakit seperti batuk selesema biasa dan penyakit yang lebih teruk seperti radang paru-paru dan sindrom pernafasan akut. Covid-19 adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh coronavirus yang di namakan SARS-Co-2. Ia baru ditemui dan hanya diketahui selepas berlakunya penyebaran jangkitan penyakit di Wuhan, Wilayah Hubei, Republik Rakyat China pada bulan Disember 2019. Tanda-tanda jangkitan Covid-19 yang paling lazim adalah seperti demam panas, batuk, sakit tekak dan sukar bernafas. Gejala yang paling teruk akan mengakibatkan radang paru-paru serius serta masalah pernafasan yang teruk yang boleh membawa maut terutamanya dalam kalangan warga emas dan penghidap penyakit kronik (Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam, 2020).

Akibat daripada pandemik ini pelbagai peraturan baru telah di kenakan dan segala pergerakan mula di bataskan melihat kepada cepatnya virus ini merebak dan bahayanya virus ini sehingga belum dijumpainya penawarnya.

IMPAK COVID-19 TERHADAP SOSIO EKONOMI

Corak kehidupan masyarakat pasca COVID-19 tidak akan sama berbanding sebelum ini. Amalan harian seperti jarak sosial dan penjagaan kesihatan yang dilakukan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mesti diteruskan bagi menurunkan risiko penyebaran pandemik COVID-19 kepada masyarakat umum (Nurul Aini, 2020).

Tidak dapat dinafikan COVID-19 memberi kepada impak ekonomi yang bukan sedikit kepada entiti perniagaan dan kehidupan individu dalam masyarakat. Industri berkaitan pertanian dan perkhidmatan seperti pelancongan antara industri yang terjejas teruk sepanjang tempoh kawalan. Sebagai contoh, sektor berkaitan industri pelancongan seperti penerbangan, perhotelan, pengangkutan dengan sendirinya terjejas berikutan peraturan ini. Berdasarkan kaji selidik peringkat pertama Jabatan Perangkaan, sebanyak 46.6 peratus dari 168,182 responden berkemungkinan kehilangan pekerjaan sepanjang pandemik berikutan pelaksanaan PKP.

Forum Ekonomi Dunia menjangka ada entiti perniagaan global yang terpaksa ditutup dan ada kemungkinan melakukan penstrukturan serta adaptasi melalui penggunaan sistem automasi, internet pelbagai benda (IoT) dan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi membolehkan operasi perniagaan berjalan seperti biasa tanpa melibatkan pertemuan individu secara bersemuka.

Dalam tempoh ini, semua pihak akan terkesan akibat situasi penularan wabak dan juga langkah PKP, sama ada pemilik perniagaan, pekerja atau individu yang bekerja sendiri. Namun, dalam masa yang sama, langkah kerajaan untuk meneruskan PKP dalam menangani jangkitan ini amat penting dalam mengawal dan membasmi COVID-19 (Nurul Aini, 2020).

Bahkan ramai ahli ekonomi yakin bahawa kesan ekonomi akibat Covid-19 adalah lebih buruk daripada Krisis Kemurungan Besar (*Great Depression*) pada tahun 1930-an. Statistik dari Amerika, iaitu pemain yang paling penting dalam ekonomi global, memberikan gambaran yang sangat muram. Hanya dalam tempoh tiga minggu sahaja yang berakhir pada awal April, 16.8 juta rakyat Amerika telah kehilangan pekerjaan. Satu laporan meramalkan bahawa kemungkinan besar di akhir wabak Covid-19 ini, seramai 47 juta pekerja Amerika akan menganggur dan mengakibatkan kadar pengangguran meningkat kepada 32 peratus (Nazari, 2020).

Amerika Syarikat adalah negara yang paling tertinggi jumlah pesakit yang positif Covid-19 dengan jumlah lebih dari 1 juta orang dan antara negara yang paling teruk terjejas perekonomian. Pada Februari 2020 sahaja, seramai 10 juta rakyat Amerika telah memohon bantuan kerana tiada pekerjaan (Chaney & Morath, 2020) dan berjuta-juta rakyat yang kehilangan pekerjaan (Scott et al, 2020). Bahkan para ekonomi berpendapat bahawa apabila wabak ini semakin memburuk, di ramalkan pertumbuhan prospek ekonomi global akan menurun sebanyak 1 peratus berbanding sebelum ini cuma 5 peratus sahaja di semua negara yang terlibat (Chairul Iksan & Muhammad, 2020).

Jerman, negara yang mempunyai saiz ekonomi yang paling besar di Eropah juga sedang mengalami kemelesetan yang teruk. Ekonominya dijangka menguncup hampir 10 peratus dalam tempoh tiga bulan antara April sehingga Jun 2020. Lebih daripada 230,000 orang dijangka kehilangan pekerjaan. Keadaan ini adalah sama di hampir kesemua negara lain dan menyebabkan Oxfam (sebuah pertubuhan kebajikan antarabangsa) mengunjurkan bahawa setengah bilion orang mungkin akan tergolong dalam kategori miskin akibat krisis ini (Nazari, 2020).

Di Bangladesh, mereka yang berpendapatan sederhana, rendah dan juga bergaji hari telah mengalami masalah kewangan yang teruk disebabkan oleh kehilangan pendapatan dan pekerjaan yang mengakibatkan mereka menjadi terlalu miskin (Mashura et al., 2020). Dalam kajian yang dijalankan oleh Mashura et al. (2020) mendapati bahawa kekurangan peruntukan kewangan merupakan elemen yang mendorong ke arah kelemahan sistem penjagaan kesihatan di Bangladesh dalam menangani pandemik covid-19.

Tambah memburukkan keadaan lagi bila mana institusi kewangan antarabangsa IMF telah menekankan pada bulan Oktober 2019, dengan menyatakan bahawa keadaan keberhutangan syarikat-syarikat sebanyak USD19 trilion akan menjadi 'bom jangka' (*time bomb*) sekiranya berlaku kemelesetan global. Ia juga menyatakan bahawa hampir 40 peratus daripada hutang korporat di laman negara utama iaitu Amerika Syarikat, China, Jepun, Jerman, Britain, Perancis, Itali dan Sepanyol, adalah mustahil untuk diselesaikan jika terdapat kelembapan ekonomi (Nazari, 2020).

Semakin luasnya wabak corona ke berbagai-bagai belahan dunia menjadi ancaman serius bagi perekonomian global. Penyebaran Covid-19 yang semakin meluas di ramalkan akan memperpanjangkan lagi tempoh kejatuhan perekonomian Asia Pasifik. Berkemungkinan besar negara yang akan terjejas teruk termasuklah Hong Kong, Singapura, Thailand dan Vietnam kerana negara tersebut bergantung pada sektor pelancongan menurut laporan S& P Global kepada CNBC Antarabangsa (Tirta Citradi, 2020).

Impak besar yang di alami oleh masyarakat ialah apabila kehilangan pekerjaan di sebabkan peraturan baru bagi mengelakkan rangkaian covid-19. Mereka yang berpendapat

rendah serta bergaji hari adalah golongan yang paling terkesan bahkan tersenarai di bawah kategori miskin melampau.

Malangnya apa yang sedang berlaku kini ialah situasi kemelesetan ekonomi, iaitu jauh lebih serius daripada kelembapan ekonomi. Akibatnya banyak segmen masyarakat yang sedang menghadapi suasana kesulitan kewangan yang runcing dan terpaksa meminta bantuan kewangan daripada kerajaan (Nazari, 2020).

Peniaga kecil, penjaja dan individu terjejas atau hilang punca pendapatan ketika COVID-19 memerlukan bantuan. Pakej rangsangan ekonomi sedikit sebanyak melegakan rakyat dan pihak terkesan. Walau bagaimana pun sejauh mana dana ini cukup menampung keperluan masyarakat dan negara bagi tempoh yang agak lama adalah suatu yang di luar jangkaan. Justeru, filantropi Islam amatlah sesuai di laksanakan di tengah kemelut ekonomi dan bagi memenuhi keperluan ummah (Siti Mashitoh, 2020).

POTENSI WAKAF MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19

Ujian COVID-19 menuntut semua pihak termasuk individu untuk melakukan pengubahsuaian dalam cara hidup termasuklah dalam menguruskan kewangan. Pihak kerajaan mungkin tidak mampu untuk memberikan sokongan kewangan sepenuhnya bagi membolehkan rakyat hidup dengan mewah sepanjang pandemik ini (Nurul Aini, 2020).

Namun, kewangan sosial Islam seperti zakat, infak, sedekah dan wakaf mampu meringankan masalah ekonomi terutama sekali semasa pandemik Covid-19 (Azwar et al, 2020; Azwar, 2020, Siti Mashitoh, 2020, Nazari, 2020). Kekuatan yang ada dalam filantropi Islam ialah wakaf kerana keunikannya dibandingkan dengan yang lain. ‘Dana Abadi’ atau ‘Dana Kekal’ sesuai dengan konsep wakaf tidak seperti derma dan zakat yang biasanya akan habis diagihkan tanpa menafikan ia mempunyai kedudukan penting dalam menyelesaikan masalah ummah.

Wakaf amat relevan dengan realiti semasa ini. Sebagai harta memberikan manfaat kekal kepada penerima berhak, penggunaannya tidak akan menghabiskan harta diwakafkan. Malah, boleh digunakan berkali-kali. Contohnya, pewakaf mewakafkan wang dan dilaburkan pentadbir wakaf. Wang modal masih boleh digunakan untuk pelaburan selanjutnya kerana hasilnya sahaja digunakan untuk penerima wakaf. Sifat kekal ini tidak dipunyai harta seperti derma dan zakat yang biasanya akan habis diagihkan tanpa menafikan ia mempunyai kedudukan penting dalam menyelesaikan masalah ummah. Wakaf berpotensi tinggi menjana pulangan harta berlipat kali ganda bagi kelestarian ummah dan negara. Orang Islam dan bukan Islam boleh berwakaf serta mendapat faedah daripada harta atau hasil diwakafkan. Dalam konteks COVID-19, hasil pelaburan wakaf am sedia ada boleh diberikan untuk keperluan dan kegunaan mereka terkesan dengan PKP (Siti Mashitoh, 2020).

Penguatan wakaf wang baik dengan skema wakaf tunai, wakaf produktif mahupun wakaf *sukuk* perlu ditingkatkan. Bagi menangani isu Covid-19, Azwar (2020) dalam penulisannya mencadangkan Badan Wakaf Indonesia (BWI) bekerja sama dengan lembaga kewangan syariah untuk mempromosikan skema wakaf ini agar dapat digunakan sebahagian untuk pembangunan berbagai infrastruktur bersumberkan wakaf seperti Rumah Sakit Wakaf (RSW) khusus korban COVID-19, Alat Pelindung Diri (APD) wakaf, masker wakaf, poliklinik wakaf, Rumah Pengasingan Wakaf (RIW), pengadaan ventilator wakaf, universiti wakaf dan

lainnya. Pengurusan wakaf harus dilakukan secara profesional, sehingga wakaf dapat dimanfaatkan secara berpanjangan.

Melalui wakaf tunai segala peruntukan bagi penyediaan hospital dan peralatan yang diperlukan untuk rawatan dapat digunakan lebih-lebih lagi kos perbelanjaan untuk mengendalikan pesakit positif Covid-19 adalah tinggi. Pengasingan yang diwajibkan ke atas mereka yang berpotensi terdedah kepada Covid-19 juga memerlukan perbelanjaan yang bukan sedikit. Galakan untuk menyumbang di saat ini adalah amat penting bagi kelangsungan dan memperkasa ummah. Jika kemelut ekonomi ini berlarutan sudah pasti perkara yang sama berlaku di Itali akan turut terjadi di negara sendiri iaitu kerana kekurangan peruntukan kewangan pesakit positif Covid-19 yang tua dan berisiko hanya di biarkan untuk mati sahaja disebabkan peningkatan jumlah pesakit yang tinggi dan melampaui dari dana peruntukan yang ada.

Tidak dapat di nafikan lagi wakaf berpotensi tinggi menjana pulangan harta berlipat kali ganda bagi kelestarian ummah dan negara jika di tadbir dan diurus dengan profesional. Wakaf am tidak ditetapkan tujuan khusus. Pentadbir atau pemegang amanah boleh menggunakannya untuk apa-apa tujuan kebajikan sah dan tidak bertentangan hukum syarak termasuk COVID-19. Wakaf khas pula boleh dikutip untuk tujuan pembelian peralatan dan kelengkapan perubatan hospital bersifat kekal seperti katil, ambulans, alat bantuan pernafasan serta mesin dialisis (Siti Mashitoh, 2020).

Potensi wakaf dalam merealisasikan kestabilan sosioekonomi adalah melalui pengembangan harta dan kesaksamaan agihan. Semua ini mampu ditentukan bergantung kepada kejayaan negara dalam memperkasakan semula sistem pengurusan wakaf (Mohd Noor, 2017; Alaidin dan Wali, 2016,). Di samping itu juga, kejayaan wakaf tidak mungkin berlaku tanpa usaha dan penyelarasan yang strategik. Kesedaran masyarakat, mujahadah pengamal dan kebijaksanaan kerajaan dalam usaha memperkasakan semula wakaf menjadi penentu kelangsungan tamadun Islam dan nasib generasi akan datang (Mohd Noor, 2017). Walau bagaimanapun, jika wakaf masih dikelola secara tidak produktif disebabkan pandangan masyarakat secara umum sebagai amalan ibadah semata-mata (*mahdah*) yang tidak memiliki dimensi ekonomi ataupun dimensi sosial (Muslihun, 2014), fungsi sebenar wakaf tidak akan dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien.

KESIMPULAN

Bukan hanya pihak Kerajaan sahaja yang bertanggungjawab dalam menghadapi isu kemelut pandemik Covid-19, bahkan ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus di pikul oleh semua lapisan masyarakat dan agensi berkenaan. Dengan keunikan wakaf mampu menyelesaikan kemelut ekonomi sekali gus membantu meringankan bebanan kerajaan lebih-lebih lagi di saat pandemik yang menjejaskan golongan tertentu. Kewujudan Covid-19 tanpa di sedari menjadi pencetus sumber wakaf dan galakkan terkini untuk lebih menyumbang ke arah kesejahteraan semua bilamana mengenali kehebatan wakaf dan di tadbir urus secara profesional.

RUJUKAN

- Ahorsu, D K, Lin, C-Y, Imani, V, Saffari, M, Griffiths, M D, Pakpour, A H. (2020). *The Fear of COVID-19 Scale: Development and Initial Validation*. Int. J. Ment. Health Addiction.
- Akramah, Said Sabri. (2008). *Al-Waqf Al-Islami baina Al-Nazariyat wa Al-Tatbiq*. Jordan: Dar Al-Nafais.
- Alaididin, Koto. & Wali, Saputra (2016) Wakaf Produktif Di Negara Sekular: Kasus Singapura dan Thailand. *Sosial Budaya*, Vol 13 (2). <https://media.neliti.com/media/publications/164547-ID-wakaf-produktif-di-negara-sekuler-kasus.pdf>. Akses pada 7 November 2017.
- Ali Hashim, M. (2013). Halal, Wakaf Perkasa Ekonomi. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/halal-wakaf-perkasa-ekonomi-1.193164>. Akses pada 24 Februari 2014.
- Anderson, R M, Heesterbeek, H, Klinkenberg, D, Hollingsworth, T D, (2020). How will country-based mitigation measures influence the course of the COVID-19 epidemic? *Lancet* 395 (10228), 931–934.
- Asmak Ab Rahman (2009), ‘Peranan Wakaf Dalam pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia’, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil 1, 113-152.
- Azwar, Iskandar., Bayu, Taufiq Possumah & Khaerul, Aqbar. (2020). Peran Ekonomi dan Kewangan Sosial Islam Saat Pandemi Covid-19. *Salam: Jurnal Sosial dan Budaya Syar-I*. Vol 7(7). <http://journal.uinjkt.ac.id/index.php/salam/article/view/15544>. Akses pada 12 Jun 2020.
- Azwar. (2020). Solusi Ekonomi dan Kewangan Islam Saat Pandemi COVID-19. Kementerian Kewangan Republik Indonesia. <https://www.kemenkeu.go.id/publikasi/artikel-dan-opini/solusi-ekonomi-dan-keuangan-islam-saat-pandemi-covid-19/>. Akses pada 11 Jun 2020.
- Chairul Iksan, Burhanuddin & Muhammad, Nur Abdi. (2020). Ancaman Krisis Ekonomi Global Dari Dampak Pentebaran Virus Corona (COVID-19). *Akmen*. Vol 17 (1). <https://e-jurnal.stienobel-indonesai.ac.id/index.php/akmen>. Akses pada 13 Jun 2020.
- Chaney, Sarah & Eric, Morath. (2020). Record 6.6 Miliion Americans Sought Unemployment Benefits Last Week. *Wall Street Journal*. 3 April.
- Fauzi, Suhaimi. (2020). Fahami Perbezaan Epidemik, Endemik , Pandemik. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemik-dan-pandemik-233401>. Akses pada 15 Jun 2020.
- Gharaulhuddin, Din. (1999). Dinamisme Syariah Kepada Penyusunan Ekonomi Semasa Dengan Menggerakkan Harta dan Dana Sadaqah. Edt N.Mustapha, Hj N.Hassan., Sh Mohd Saifuddeen, Sh Mohd Salleh., Hamiza, Ibrahim. *Globalisasi Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Jamil. (2007). Wakaf Produktif Dalam Perspektif Masyarakat Kota Metro. *Jurnal TAPIS*. Vol 7 (1), hlm 15-33.
- Kamus Dewan*. (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam. (2020). *Soalan-Soalan Lazim Mengenai Covid-19*. www.moh.gov.bn/Sitespages/FAQCOVI19.aspx. Akses pada 13 Jun 2020.

- Maghniyah, M. J. (1997). *Waqf, Hajr and Wasaya According to Five Schools of Islamic Law*. Tehran, Department of Translation and Publication Islamic Culture and Relations Organization.
- Mashura, Shammi., Md Bodrud, Doza., Abu Reza, Md Towfiqul Islam & Md Mostafizur, Rahman. (2020). Covid-19 Pandemic, Socioeconomic Crisis And Human Stress in Resources-Limited Settings: A Case From Bangladesh. *Heliyon* 4. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020.e04063>. Akses pada 14 Jun 2020.
- Mohd Noor, Omar. (2017) Wakaf Pemangkin Ekonomi Ummah. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/ta-dib/wakaf-pemangkin-ekonomi-ummah-1.723171>. Akses pada 31 Oktober 2017.
- Mohd Saharudin, Shakrani, Mohd Saifoul, Zamzuri Noor & Jamal, Ali. (2003) Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Vol 11 (2). hlm 73-98. http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/6697/Tinjauan%20Isu-isu%20Yang%20Membataskan%20Penggunaan%20Wakaf%20Dalam%20Pembangunan%20Ummah%20di%20Malaysia.pdf. Akses pada 5 November 2017.
- Muslihun. (2014) Dinamisasi Hukum Islam di Indonesia Pada Zakat Produktif dan Wakaf Produktif : Sebuah studi Perbandingan. *Al-Manahij: Jurnal Kajian Hukum Islam*, 8(2). 199-216. <https://doi.org/https://doi.org/10.24090/mnh.v8i2.408>. Akses pada 21 Ogos 2019.
- Nasution, Mustafa Edwin dan Uswatun, Hasanah.(2005). *Wakaf Tunai, Inovasi Finansial Islam, Peluang dan Tantangan dalam Mewujudkan Kesejahteraan Umat*. Jakarta: PSTTI-UI.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Syarh. (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi*. Jld.11.VI, Kitab al-Wasiyyah, Bab Ma Yulhaqu al-Insan min al-Thawab Ba'da Wafatih, hadith no. 4199. Beirut, Dar al-Ma'rifah.
- Nazari, Ismail.(2020). Pandemik Covid-19, Kemelut Ekonomi dan Peranan Gerakan Islam. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/pandemik-covid-19-kemelut-ekonomi-dan-peranan-gerakan-islam-237900>. Akses pada 15 Jun 2020.
- Nurul Aini, Muhamed. (2020). Gaya Hidup Kewangan Pasca COVID-19. *Bernamea.Com*. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842587>. Akses pada 12 Jun 2020.
- al-Sarakhsi, Mohammad b. Ahmad b. Abi Sahal. (1993). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Ma'rifat.
- Scott R, Baker., Nicholas, Bloom., Steven J., Davis., & Stephen J. Terry. (2020). Covid-Induced Economic Uncertainty. *NBER Working Paper Series*. <https://retirementincomejournal.com/wp-content/uploads/2020/05/NBER-Covid-Induced-Uncertainty-5-20.pdf>. Akses pada 13 Jun 2020.
- Siti Mashitoh, Mahamood.(2020). Wakaf Penuhi Keperluan Ekonomi, Perkasa Ummah. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/04/681394/wakaf-penuhi-keperluan-ekonomi-perkasa-ummah>. Akses pada 13 Jun 2020.
- al-Syarbini, al-Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj*, Jil.2. Beirut, Dar al-Ma'rifah.

Tirta, Citradi. (2020). Ngerinya Ramalan S&P Soal Corona Ke Ekonomi, RI Bisa Selamat?. CBNC Indonesia. <https://www.cbnindonesia.com/news/202000308112745-4-143254/ngerinya-ramalan-sp-soal-corona-ke-ekonomi-ri-bisa-selamat>. Akses pada 13 Jun 2020.

Zuhaili, W. (1987). *Al-Wasaya wa Al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Damascus: Dar al-Fikr.